

RIVER RANGER SUNGAI KLANG

Wawasan

Ke arah Sungai Klang indah dan membangun melalui kerjasama strategik dengan komuniti dan agensi berkaitan.

Objektif

1. Memberi pendedahan kepada Ahli River Ranger tentang peranan mereka dalam masyarakat untuk memelihara alam sekitar khususnya penjagaan sungai dan parit di tempat tinggal mereka.
2. Memberi pendedahan tentang kepentingan penjagaan sumber air khususnya kualiti sungai/parit melalui taklimat teori air dan aktiviti kerja lapangan.
3. Mendidik masyarakat terutamanya ahli River Ranger tentang peranan mereka menjaga dan memelihara alam sekitar untuk kegunaan generasi sekarang dan generasi akan datang.
4. Memupuk semangat cintakan alam sekitar kepada ahli River Ranger dan masyarakat sekitar.
5. Memberi pemahaman berhubung peranan ahli River Ranger sebagai mata dan telinga dalam masyarakat di dalam menjaga alam sekitar khususnya di kawasan tempat tinggal mereka.

Peranan River Ranger Sungai Klang

1. Mendidik masyarakat setempat sebagai pengawas sungai untuk bersama-sama memelihara parit, anak-anak sungai dan sungai.
2. Penjagaan sumber air melalui pemantauan kualiti air sungai di parit dan anak-anak sungai bersama-sama dengan komuniti setempat dan pihak berkepentingan lain melalui program gotong-royong pembersihan persekitaran kampung dan parit.
3. Membudayakan masyarakat setempat tentang pentingnya mengamalkan pengasingan sampah domestik dan kitar semula sisa minyak masak dalam kehidupan seharian.
4. Menanam sikap bertanggungjawab di kalangan lapisan masyarakat tentang peranan mereka menjaga alam sekitar melalui program pengindahan kawasan persekitaran seperti program tanam pokok.

Carta Organisasi River Ranger Sungai Klang

PENGERUSI

Jawatankuasa Kerja LA 21
Alam Sekitar, MPK

URUSETIA

Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, MPK
Jabatan Perkhidmatan Persekitaran, MPK
Jabatan Taman & Rekreasi, MPK
Jabatan Kejuruteraan, MPK

RIVER RANGER KAMPUNG SUNGAI UDANG	RIVER RANGER KAMPUNG DELEK	RIVER RANGER KG. SG. PINANG DALAM	RIVER RANGER KG. RANTAU PANJANG	RIVER RANGER KAMPUNG KUANTAN
Pengerusi Hj. Abd. Ghaffar bin Hj. Abd. Jalil Setiausaha Haji Abd. Azis bin Baharum	Pengerusi Azraee bin Harun Setiausaha Azfazalma	Pengerusi Hamdan bin Haji Yusof Setiausaha Kamarulhizam	Pengerusi Adzhurain bin Aros Setiausaha Azahari bin Semarat	Pengerusi Daud bin Kulob Ismail Setiausaha Jalil bin Mohd Jamil



MAJLIS PERBANDARAN KLANG



MPK Prihatin

Terbitan:
Unit Pembangunan Mampam
Jabatan Perancang Bandar & Wilayah
Majlis Perbandaran Klang
Tingkat 1, Blok A, Pusat Perniagaan Jalan Raya Barat,
41000 Klang Bandar DiRaja, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +6.03.3375.7850 Faks: +6.03.3371.0690

TAHUKAH ANDA ?

Pencemaran sungai merupakan suatu isu yang amat mendesak dan memerlukan usaha holistik (bersepadu) daripada pelbagai pihak ke arah penyelesaiannya.

Pada umumnya, sungai di negara ini dikategorikan kepada lima kelas iaitu :-

Kelas 1: Airnya boleh terus diminum tanpa rawatan.

Kelas 2: Airnya perlu rawatan biasa.

Kelas 3: Air nampak bersih, tidak berbau tetapi kualitinya tercemar dan orang ramai tidak boleh berenang tetapi boleh berkelah di tebing.

Kelas 4: Tercemar, airnya berwarna hitam dan berbau busuk.

Kelas 5: Hampir mati, airnya berwarna hitam dan berbau busuk.

Senario semasa di Malaysia menunjukkan bilangan sungai yang berada dalam Kategori Kelas 1 dan Kelas 2 semakin berkurangan tetapi yang dikategorikan dalam **Kelas 4 dan kelas 5 semakin meningkat**. Perkembangan ini akibat pembangunan pesat yang dialami oleh negara selain mentaliti masyarakat yang masih rendah dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.



PUNCA & IMPAK PENCEMARAN

Punca-Punca Pencemaran

1. 'Discharge' daripada kilang
2. Sisa buangan daripada domestik
3. Kerja tanah dan pembinaan (*perumahan dan perbandaran*)
4. Pengorekan pasir sungai dan kuari
5. Tapak pelupusan sampah
6. Petempatan setinggan
7. Aktiviti pertanian
8. Aktiviti penternakan / akuakultur
9. Pasar
10. Bengkel-bengkel kenderaan
11. Loji rawatan kumbahan yang tidak diselenggara
12. Tangki septik individu
13. **Budaya masyarakat menjadikan parit, anak sungai dan sungai sebagai tempat pembuangan sampah.**

Impak dan Ancaman

1. Peningkatan kejadian banjir
2. Pencemaran kualiti air
3. Kemerosotan alam persekitaran
4. **Kekurangan sumber air bersih**
5. Mendapan dasar sungai
6. Hakisan tanah dan tebing sungai
7. Pencerobohan koridor rezab sungai



APA TINDAKAN ANDA ?

Tindakan Individu

1. Sentiasa mendapatkan maklumat berhubung alam sekitar di kawasan kita.
2. **Membuat keputusan untuk menyertai aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar.**
3. Menjimatkan penggunaan air dan tenaga di rumah / sekolah.
4. Mengasingkan sampah domestik di rumah dan amalkan sikap kitar semula untuk mengurangkan jumlah sampah.
5. Sentiasa berusaha mengurangkan penggunaan bahan yang tidak boleh diguna atau dikitar semula.
6. **Memilih untuk menjadi pengguna bijak dengan menyertai kumpulan sukarelawan / NGO.**



Tindakan Berkumpulan

1. **Menjalin kerjasama dengan penduduk kampung dan pegawai dari pihak berkuasa tempatan.**
2. Membuat penilaian fizikal parit, longkang dan lembangan sungai anda.
3. Merancang aktiviti pembersihan kawasan.
4. Menjalankan kempen di kawasan kejiranan.
5. Mengambil perhatian kepada sisa effluen dari kilang-kilang.
6. Pastikan keadaan sistem pengolahan kumbahan domestik di kawasan anda berfungsi.
7. Beri perhatian kepada kawasan-kawasan pelupusan sampah.
8. **Pemantauan kualiti air sungai bersama komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan.**